



JENAYAH

Ketua Polis KL nyaris terjerat jadi mangsa kes tipu

Serdang: Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim tidak terkecuali menjadi sasaran sindiket penipuan.

Katanya, beliau hampir terjerat oleh satu sindiket yang menjalankan penipuan menerusi panggilan telefon daripada seorang individu yang mengaku sebagai kenalan lama dan ketika itu dirinya memegang jawatan Timbalan Ketua Polis Kelantan, beberapa tahun lalu.

Terima panggilan telefon dakwa kenalan lama

"Saya menerima satu panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa sudah lama mengenali saya dan pernah bekerja di sebuah bengkel di mana saya sering menghantar kereta saya.

"Dia beritahu ada perniagaan di luar negara dan mahu pulang ke Malaysia, namun kad kreditnya tidak boleh digunakan untuk membeli tiket penerbangan.

"Ketika itu sudah terdetik dalam hati saya kenalan saya itu ingin menipu saya dan apabila dia memberikan nombor akaun untuk dimasukkan wang, terus saya pasti ia adalah satu penipuan," katanya.

Pengalaman itu dikongsikan ketika beliau menjadi penceramah dalam program *Share Your*

Story@FEP *Awas Scammer* di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Pemilik akaun ditahan

Mazlan yang juga alumni Fakulti Ekonomi UPM berkata, beliau kemudian meminta bantuan pegawai penyiasat dari Bukit Aman untuk mengesan individu terbabit menerusi akaun bank yang diberikan.

"Hasilnya seorang lelaki tempatan pemilik akaun berkenaan berjaya ditahan, namun lelaki itu mendakwa menjadi keldai akaun dan turut ditipu oleh seorang kenalan dalam talian," katanya.

Mazlan turut berkongsi statistik kes tipu bagi 2017 dan 2018, dengan penipuan Macau Scam dan penipuan Pinjaman Tidak Wujud mencatat peningkatan yang amat ketara.

Beliau berkata, nilai kerugian kes membabitkan penipuan 'Macau Scam' meningkat daripada RM13,033,437 pada 2017 kepada RM54,874,178 pada tahun lalu.

Katanya, begitu juga penipuan pinjaman tidak wujud membabitkan kerugian RM5,649,258 tahun lalu berbanding RM3,746,286 pada 2017.